




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
*(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)*  
**Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi**  
*(Ministry of Science, Technology and Innovation)*  
**Batu 24, Jalan Dengkil**  
**43800 Dengkil**  
**Selangor**



01 Februari 2012  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 01/2012

## **PENYEDIAAN DAN PENGUJIAN PELAN KECEMASAN RADIOLOGIKAL DAN NUKLEAR**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) mengenai keperluan penyediaan dan pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal Dan Nuklear di bawah Akta 304.

### **LATAR BELAKANG**

2. Pada 15 Februari 2010, Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U.(A)46] telah diluluskan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Y.B. Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili. Ianya bertujuan untuk menggariskan peruntukan yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi memastikan keselamatan orang awam, pekerja, harta benda dan alam sekitar daripada bahaya sinaran mengion.

3. Peraturan ini juga telah memperkemas lagi peruntukan bagi persediaan terhadap situasi kecemasan di mana semua pemegang lesen dikehendaki mewujudkan Pelan Kecemasan. Ini bagi membolehkan tindak balas yang sewajarnya diambil bagi membetulkan setiap keadaan kecemasan yang telah dikenalpasti lebih awal iaitu di dalam Peraturan 68, P.U.(A)46. Dalam masa yang sama, satu peruntukan baru juga telah

dimasukkan iaitu Peraturan 68(7) di mana latihan berkenaan Pelan Kecemasan yang telah dibangunkan hendaklah diadakan bersama dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan pada julat yang sesuai.

#### **ARAHAN AELB**

4. AELB telah membangunkan **LEM/TEK/66-Panduan Penyediaan Dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal Dan Nuklear** sebagai panduan kepada pemegang lesen di bawah Akta 304 berhubung elemen-elemen yang perlu dimasukkan semasa penyediaan Pelan Kecemasan tersebut. Panduan tersebut boleh didapati dalam lama sesawang AELB di alamat [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my).

5. Dengan merujuk Notis Pemberitahuan AELB Bil 01/2011 bertarikh 03 Januari 2011, bagi pemegang lesen yang lesennya masih berkuatkuasa semasa P.U.(A)46 diwartakan, tarikh permulaan kuat kuasa peraturan-peraturan tersebut akan bermula sepenuhnya pada 15 Februari 2012. Sehubungan dengan itu, **bermula 15 Februari 2012, kesemua pemegang lesen di bawah Akta 304 hendaklah telah mempunyai Pelan Kecemasan yang merangkumi kesemua elemen yang diperuntukkan di bawah P.U.(A)46.**

#### **PENUTUP**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai notis pemberitahuan ini, sila berhubung dengan jabatan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar, Kod & Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi &  
Inovasi Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : [pbs@aelb.gov.my](mailto:pbs@aelb.gov.my)

Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)